

**PERSEPSI PELAJAR TAHUN AKHIR PENDIDIKAN TEKNIK DAN KEJURUTERAAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP KOMPETENSI
DIRI SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

Adibah Binti Abdul Latif & Norhidayah Binti Mohamed Kassim
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti tahap kompetensi diri di kalangan pelajar tahun akhir Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia semasa mereka menjalani Latihan Industri. Satu hubungan kait akan dijalankan bagi mengkaji perhubungan antara keempat-empat jenis kompetensi diri iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja secara kumpulan, penyelesaian masalah dan pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji perbezaan tahap kompetensi diri merentas jantina. Responden kajian ini adalah seramai 87 orang pelajar Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan yang meliputi empat kursus. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat tahap kompetensi diri pelajar manakala untuk mengkaji hubungan antara keempat-empat kompetensi diri, analisis inferensi korelasi telah digunakan. Bagi melihat perbezaan jantina terhadap kompetensi diri pula, analisis yang dijalankan merupakan kaedah ujian-t. Hasil kajian menunjukkan tahap kompetensi diri pelajar berada pada tahap yang tinggi. Kajian yang dilakukan juga menunjukkan terdapat beberapa hubungan yang signifikan antara keempat-empat tahap kompetensi diri pelajar. Walaubagaimanapun, ujian-t yang dijalankan telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi diri pelajar merentas jantina.

Abstract: This research was carried out to determine the level of self-competency among Educational of Technical and Engineering Students during their Industrial Practical. A relationship among four type of self-competency that were communication skills, team working skills, problem-solving skills and life-long learning skills was investigated. This research was also done to seek the differences of students' self-competency across gender. The respondent of this research was 87 students from four courses in Educational of Technical and Engineering Department. This quantitative research was used questionnaire as research designs instruments. Descriptive statistic was used to analyze the level of students' self-competency. In addition, inferential statistic was used to measure the correlation between four types of self-competency by using Pearson Correlation. t-test was used to analyze the significant differences of students' self-competency across gender. This research found that, the level of students' self-competency was at high level. The data also showed that, there were several significant correlations between the four types of self-competency. In the other hand, by using the t-test analysis, it was found that there were significant differences between students' self-competency across gender.

Katakunci: kompetensi diri, Latihan Industri

Pengenalan

Bagi mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, para pekerja dalam pelbagai bidang perlu bersama-sama meningkatkan kompetensi diri. Kini kemahiran yang perlu ada pada pekerja bukanlah setakat kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997), malahan mereka perlu mempunyai kemahiran-kemahiran generik yang boleh membantu mereka di tempat kerja sekaligus melicinkan tugas harian mereka.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap kompetensi diri di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang telah menjalani Latihan Industri selama 8 minggu. Penyelidik juga ingin mengkaji hubungan antara keempat-empat jenis kompetensi diri. Kajian ini juga dilakukan dengan melihat perbezaan tahap kompetensi diri merentas jantina.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:-

1. Mengetahui tahap kompetensi diri di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan semasa menjalani LI.
2. Mengetahui hubungan di antara keempat-empat jenis kompetensi diri pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan semasa menjalani LI.
3. Mengetahui perbezaan tahap kompetensi diri pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan semasa menjalani LI merentas jantina.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan satu maklum balas kepada pelbagai pihak. Pertamanya adalah kepada pihak universiti untuk membuat perancangan bagi meningkatkan kompetensi diri pelajar. Pelbagai program boleh dianjurkan di peringkat universiti bagi menggalakkan penglibatan para pelajar. Kedua, ia juga dapat menyedarkan kepada pelajar tentang kemahiran-kemahiran yang perlu ada dalam diri mereka untuk menjadi seorang pekerja yang lengkap dan berkemahiran. Bagi menjadi seorang pekerja yang berkebolehan, bukan sahaja ilmu pengetahuan penting, malahan kompetensi diri yang tinggi juga amat dititik beratkan pada masa kini.

Bagi tenaga akademik, usaha perlu dijalankan supaya mereka dapat mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan kompetensi diri pelajar. Justeru itu, proses pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan kaedah-kaedah seperti penyelidikan dan penemuan. Pelajar-pelajar perlu dilatih untuk menyelidik dan mengkaji sesuatu masalah sama ada secara individu atau dalam kumpulan. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur haruslah ditingkatkan. Pensyarah boleh menjadikan kajian perpustakaan (*library research*) dan juga tugas di luar kampus sebagai sebahagian daripada strategi pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pelajar-pelajar betapa pentingnya program praktikal seperti 'Latihan Mengajar' dan 'Latihan Industri'. Mereka akan didedahkan dengan suasana bekerja yang sebenar dan sekaligus dapat menguji tahap kompetensi diri mereka. Dengan demikian mereka juga boleh mempraktikkan dan menonjolkan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan kompetensi diri misalnya kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, bekerja secara berkumpulan serta kemahiran-kemahiran yang lain.

Pensyarah juga perlu melibatkan para pelajar secara langsung di dalam perancangan dan pelaksanaan program di mana proses-proses yang melibatkan pemikiran kreatif dan kritis bagi membolehkan pelajar membina keyakinan dan harga diri.

Tidak semua individu mempunyai tahap kompetensi diri yang tinggi. Bagi mendapatkannya ianya perlulah diterapkan semasa seseorang itu masih di sekolah lagi. Justeru itu kajian ini dapat melihat sejauh manakah tahap kompetensi diri pelajar-pelajar pada zaman sekarang. Dan diharapkan kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak akan kepentingan kompetensi diri.

Skop Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia sebagai sampel. Tahap kompetensi diri yang dikaji juga hanya melibatkan empat jenis iaitu kemahiran berkomunikasi, bekerja secara kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kajian ini hanya mengkaji hubungan atau kolerasi di antara keempat-empat kompetensi diri. Tahap keempat-empat kompetensi diri juga dikaji merentas perbezaan jantina. Keputusan, analisis dan kesimpulan hanya relevan untuk pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), seramai 102 orang. Penyelidik mengambil sampel seramai 87 orang iaitu berdasarkan sampel Krejcie dan Morgan (1970). Seramai 22 orang pelajar lelaki dan 65 orang pelajar perempuan telah dipilih. Pemilihan juga di ambil dari setiap kursus (pelbagai aliran). Rational pemilihan populasi daripada pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup) adalah kerana penyelidik juga adalah salah seorang pelajar dari jabatan tersebut. Oleh kerana penyelidik memilih responden yang terdiri daripada pelajar yang pelbagai bangsa dan kursus maka penyelidik menggunakan persampelan rawak mudah bersistematik.

Pemilihan Sampel dan Rekabentuk Persampelan

Responden dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, UTM. Di dalam kajian ini, kaedah persampelan rawak mudah bersistematik telah digunakan untuk memilih sampel kajian. Kriteria pelajar-pelajar yang terlibat ialah pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari setiap kursus.

Setiap pelajar diasingkan mengikut jantina, kursus dan bangsa terlebih dahulu untuk mendapatkan keseimbangan. Catatan nombor dibuat bagi mendapatkan nombor X. Nama pelajar yang jatuh pada X1, X2, X3 sehinggalah Xn akan dilihat sebagai responden. Langkah ini diteruskan sehingga semua bilangan pelajar yang dikehendaki mencukupi sebanyak 87 orang. Responden dikumpulkan dan soal selidik diedarkan mengikut jumlah yang ditetapkan.

Dalam kajian ini, seramai 25 orang daripada kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) telah dipilih melibatkan 5 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) melibatkan seramai 8 orang pelajar lelaki dan 17 orang pelajar perempuan. Seramai 8 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan telah dipilih bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera). Manakala bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) pula melibatkan 4 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan sebagai responden.

Instrumen Kajian

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A menggunakan senarai jenis soalan tandakan pada jawapan yang betul. Dalam bahagian A ini apa yang ditanya adalah berkaitan dengan demografi responden seperti jantina, bangsa, kursus, dan sektor yang dilih semasa menjalani latihan industri.

Soal selidik dalam bahagian B pula berkaitan dengan tahap kompetensi diri pelajar. Dalam bahagian ini soal selidik adalah berasaskan skala Likert lima peringkat. Soal selidik jenis Likert ini menghendaki responden menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain.

Kajian Rintis

Kajian rintis digunakan untuk memastikan ketepatan item-item soal selidik dari sudut kefahaman responden samada dari segi bahasanya, isi kandungannya dan kejelasan maksudnya bagi mendapatkan kebolehpercayaan. Menurut Azizi (2007), kebolehpercayaan merujuk kebolehan item yang dibina mengukur dengan tepat apa yang dapat diukur.

Menurut Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan. Selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis.

Penyelidik akan memberikan soal selidik tersebut kepada sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi sebenar untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Data yang dikumpulkan daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan Ujian Alpha Cronbach dalam Pakej SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 13.0 sebagai instrumen kajian bagi mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik.

Kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang pernah menjalani Latihan Industri. Selepas memperoleh data daripada responden, penyelidik menguji kebolehpercayaan melalui Alpha Cronbach dengan menggunakan perisian SPSS versi 13.0. Nilai Alpha Cronbach ditentukan bagi menunjukkan kebolehpercayaan soal selidik.

Kebolehpercayaan soal selidik dibahagikan mengikut konstruk. Bagi konstruk kemahiran berkomunikasi, nilai kebolehpercayaan adalah 0.97, manakala kebolehpercayaan bagi konstruk bekerja dalam kumpulan mencatat nilai kebolehpercayaan 0.98. Bagi konstruk penyelesaian masalah, kebolehpercayaan yang diperoleh ialah 0.94 dan bagi konstruk terakhir iaitu pembelajaran sepanjang hayat, nilai kebolehpercayaan ialah 0.95.

Nilai indeks kebolehpercayaan atau alpha bagi kesemua item ialah 0.99. Ini membuktikan bahawa soalan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan menurut Najib (1999), ianya boleh digunakan dalam kajian ini.

Keputusan dan Perbincangan

Perbincangan Latar Belakang Responden

Berdasarkan daripada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa seramai 25 responden daripada jumlah keseluruhan responden adalah dari pelajar lelaki dan bilangan responden perempuan adalah 62. Manakala bagi kursus yang diikuti sekarang pula menunjukkan 25 orang responden masing-masing dari kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dan selebihnya adalah dari kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera) seramai 12 responden. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden berbangsa Melayu iaitu seramai 81 responden, diikuti bangsa Cina iaitu empat orang, dan bangsa India pula seramai dua orang.

Majoriti responden telah memilih sektor swasta sebagai tempat bagi menjalani Latihan Industri iaitu seramai 55 orang, diikuti dengan sektor awam seramai 28 orang, tiga responden memilih badan berkanun sebagai tempat bagi menjalani Latihan Industri dan selebihnya iaitu seorang lain-lain.

Tahap Kompetensi Diri Pelajar (Kemahiran Komunikasi)

Min keseluruhan bagi kemahiran berkomunikasi adalah sebanyak 2.75. Nilai min ini menunjukkan responden mempunyai tahap kemahiran berkomunikasi yang tinggi. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh (Golmen D., 1998), tidak kiralah seseorang itu berada dalam bidang apa, sama ada individu itu bekerja dalam syarikat yang besar, syarikat yang kecil maupun perniagaan di rumah, kemahiran komunikasi dengan berkesan merupakan satu kemahiran penting bagi menjamin sesebuah kejayaan (Adibah, 2005).

Kemahiran komunikasi amat dititikberatkan oleh pensyarah-pensyarah di Fakulti Pendidikan. Sepanjang pengajian, pelajar telah didedahkan dengan aktiviti pembentangan, sesi soal jawab, dan juga Latihan Mengajar. Justeru itu, tidak hairanlah majoriti responden berjaya menguasai kemahiran berkomunikasi ini sepenuhnya. Walaubagaimanapun, tahap ini perlu ditingkatkan kerana ini akan memberi impak semasa mengajar kelak.

Item yang mendapat nilai min tertinggi adalah item 1, “Saya berasa yakin apabila berkomunikasi” dengan nilai min 2.93. Menurut Abdullah dan Ainon (2000), kemahiran komunikasi meliputi kemahiran mengurus interaksi (daya ekspresif), mendengar, bertanya, berucap, meninggikan daya tarikan dan komunikasi bukan lisan. Kemahiran berkomunikasi banyak di praktikkan di dalam dewan kuliah semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Secara tidak langsung ini memberi sedikit sebanyak peluang kepada pelajar untuk lebih menguasai kemahiran berkomunikasi. Seseorang yang boleh berkomunikasi dengan baik, akan menyerlahkan lagi ketrampilan serta keyakinan diri. Oleh itu, segala maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami dan diperjelaskan lagi.

Item kedua tertinggi adalah item 9 dengan pernyataan “Saya mampu untuk memberikan respon terhadap pendapat rakan sekerja lain dengan baik.”. Nilai min yang diperolehi adalah 2.89. Seperti yang telah dicadangkan oleh, (Armstrong & Savage, 1994) seorang guru hendaklah mempunyai kemahiran sebagai fasilitator dan boleh memberikan pandangan secara terus apabila orang lain memberikan pendapat. Cara seorang pendidik mendengar pendapat orang lain juga haruslah dengan berhikmah. Sekiranya mereka tidak menyetujui sesuatu pendapat, mereka hendaklah cuba mengekspresikannya dengan cara yang baik. Hal ini dipersetujui oleh pelajar sebagai satu cara kemahiran yang ada dalam diri mereka, memandangkan mereka adalah bakal seorang guru.

Item yang mendapat markah min terendah adalah item 6, “Saya berkebolehan untuk mempengaruhi rakan sekerja supaya menyokong pendapat saya.” dengan nilai purata min sebanyak 2.48. Nilai min ini berada pada tahap yang sederhana. Hal ini mungkin kerana responden tidak berasa yakin sepenuhnya dengan pendapat yang dikeluarkan oleh mereka.

Oleh itu, sebagai bakal seorang guru, responden perlulah mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik seperti yakin semasa berkomunikasi, mahir dalam menyampaikan maklumat, idea dan pendapat, begitu juga dengan kemahiran mendengar.

Tahap Kompetensi Diri Pelajar (Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan)

Secara keseluruhan, purata min bagi item-item kompetensi diri yang kedua ini adalah sebanyak 2.99. Nilai min yang amat tinggi ini menunjukkan responden berjaya menguasai kemahiran bekerja secara kumpulan. Kebanyakan tugas-tugas yang diberi oleh pensyarah memerlukan kerjasama ahli kumpulan, ini mungkin menjadi salah satu sebab kemahiran ini berjaya dikuasai oleh responden-responden. Menurut Melvyn Dodright (1999), bekerja dalam kumpulan akan lebih memudahkan sesuatu pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, kelebihan menguasai kemahiran ini akan menyebabkan responden mudah mempelajari sesuatu pembelajaran dengan lebih yakin.

Berdasarkan jadual 4.6, item 14, “Saya sentiasa menunjukkan komitmen semasa bekerja bersama-sama rakan sekerja.” mendapat nilai purata min yang tertinggi dengan 2.98. Keadaan ini mungkin terjadi kerana bagi mereka antara perkara yang paling penting dalam bekerja secara kumpulan adalah komitmen daripada ahli-ahli. Menurut Cornor (2000), komitmen bersama ahli adalah penting dalam bekerja secara kumpulan, ini kerana sekiranya seorang ahli tidak komited dalam melaksanakan tugasnya, ia akan mempengaruhi kelancaran tugas seluruh kumpulan mereka.

Item 11, “Saya suka bekerja secara berkumpulan.” pula mendapat nilai min yang terendah iaitu 2.86. Walaubagaimanapun nilai min ini masih lagi berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan, mungkin bekerja secara kumpulan bukanlah pilihan utama bagi semua pelajar, dan mungkin ada pelajar yang lebih selesa bekerja secara individu.

Begitu juga item 15, “Saya boleh bekerja dengan rakan sekerja saya dengan baik walaupun rakan sekerja saya berlainan bangsa dan agama.” mendapat nilai min yang sama iaitu 2.86. Namun nilai ini masih lagi berada pada tahap yang tinggi. Para pelajar tidak menjadikan isu bangsa dan agama sebagai halangan untuk mereka melaksanakan kerja secara berkumpulan. Ini mungkin dipengaruhi oleh keadaan negara kini yang mengamalkan dasar demokrasi dan mementingkan keharmonian sesama bangsa. Kemahiran ini amat baik kerana ia boleh mengekalkan keharmonian masyarakat Malaysia kelak.

Antara kemahiran penting untuk bekerja dalam kumpulan adalah dapat mewujudkan hubungan yang baik sesama ahli kumpulan, memahami dan menganggap setiap ahli kumpulan berperanan sebagai pemimpin dan pengikut, menerima dan menghormati sikap, pelakuan dan kepercayaan ahli kumpulan yang lain, berkemampuan untuk menyumbangkan perancangan dan menyelaraskan usaha bersama ahli kumpulan serta memberikan komitmen untuk menyelesaikan setiap tugas bersama ahli kumpulan.

Tahap Kompetensi Diri Pelajar (Kemahiran Penyelesaian masalah)

Secara purata, min bagi kemahiran penyelesaian masalah juga mencatat nilai yang tinggi iaitu 2.93. Nilai min ini menunjukkan responden berjaya menguasai kemahiran penyelesaian masalah. Kemahiran ini amat penting pada masa kini. Sejajar dengan kehendak kerajaan untuk menghasilkan graduan yang berkebolehan untuk menyelesaikan masalah serta berfikiran kreatif dan kritis, UTM telah pun

menganjurkan pelbagai program untuk menerapkan kemahiran ini dan ternyata ianya amat berjaya dan berkesan kepada tahap kemahiran penyelesaian masalah pelajar.

Antara kemahiran lain yang diperlukan dalam kemahiran penyelesaian masalah ini ialah kemahiran membina strategi, kemahiran individu dan kemahiran pengurusan diri dan kemahiran berfikir kreatif.

Kemahiran penyelesaian masalah ini ialah suatu perkara yang asas dalam kehidupan kita kerana kita sering menghadapi masalah dalam kehidupan seharian. Kemahiran penyelesaian masalah ini akan dapat membantu kita berfungsi dengan lebih berkesan dalam masa yang sama, penyelesaian masalah ini juga dapat membantu kita mempelajari cara-cara memindahkan pengetahuan yang diperolehi dalam bilik darjah ke situasi sebenar (Robert J., Marzano and others, 1988).

Tahap Kompetensi Diri Pelajar (Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Min bagi kemahiran pembelajaran sepanjang hayat adalah 2.96. Faktor yang menyebabkan nilai min yang amat tinggi ini ialah kerana telah timbul kesedaran responden untuk terus menuntut ilmu walau di mana mereka berada dan tidak terikat sepenuhnya dengan pembelajaran di dalam kelas semata-mata.

Item 28, "Saya bersikap terbuka dalam menerima idea baru" mencatat nilai min yang tinggi dengan 2.95. Pembelajaran merupakan satu proses berterusan yang melibatkan pengalaman dan praktikal dalam hidup. Ia merupakan satu tindakan yang melibatkan pelbagai jenis kemahiran, pengetahuan, nilai dan juga kemampuan untuk merefleks pembelajaran bermakna yang mana akan membentuk perubahan dan keinginan untuk terus belajar. Para pelajar kini lebih cenderung untuk mengesuai pelbagai bidang kemahiran dan ilmu dan tidak lagi hanya tertumpu kepada satu bidang semata-mata.

Dalam zaman yang serba maju dan bergerak pantas ini, responden seharusnya menyedari bahawa ilmu pengetahuan yang akan membantu mereka untuk bergerak seiring dengan perkembangan semasa.

Tahap Kompetensi Diri Pelajar Secara Keseluruhan

Secara keseluruhan, tahap kompetensi diri responden boleh dikatakan berada pada tahap yang tinggi iaitu, 2.90. Kemahiran bekerja secara berkumpulan mencatat min yang tinggi iaitu 2.99. Nilai min kedua tertinggi adalah bagi kemahiran pembelajaran sepanjang hayat iaitu 2.96. Diikuti dengan kemahiran penyelesaian yang mencatat nilai min ketiga tertinggi iaitu 2.93. Manakala kemahiran yang mencatat nilai min yang terendah adalah kemahiran berkomunikasi iaitu 2.75. Jika dilihat dan dianalisis, kesemua nilai min yang diperolehi berada di sekitar 2.67 sehingga 3.00 di mana ianya berada pada tahap yang tinggi.

Guru merupakan bakal pemimpin yang bakal mencorakkan insan yang bergelar pelajar. Justeru itu, kompetensi diri yang ada pada guru perlu diterapkan kepada pelajar. Namun, sebelum menerapkannya kepada pelajar, guru sendiri perlulah melengkapkan diri dengan ketrampilan tersebut. Walaupun nilai min yang diperolehi adalah tinggi, namun responden masih belum berjaya sepenuhnya untuk menerapkan ketrampilan ini dalam diri masing-masing. Diharapkan bakal-bakal guru serta para guru akan terus berusaha mempertingkatkan lagi kompetensi diri mereka dan tidak berhenti setakat ini sahaja.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Pertama (Kemahiran Berkomunikasi) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Kedua (Bekerja secara Berkumpulan)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang pertama, kemahiran berkomunikasi dengan tahap kompetensi yang kedua, kemahiran bekerja secara kumpulan pada aras

signifikan 0.01. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran bekerja secara kumpulan.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Pertama (Kemahiran Berkomunikasi) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Ketiga (Penyelesaian Masalah)

Menurut jadual 4.9, terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang pertama, kemahiran berkomunikasi dengan tahap kompetensi yang ketiga, kemahiran penyelesaian masalah pada aras signifikan 0.01. Ini sekaligus menolak hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran penyelesaian masalah.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Pertama (Kemahiran Berkomunikasi) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Keempat (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang pertama, kemahiran berkomunikasi dengan tahap kompetensi yang keempat, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat pada aras signifikan 0.01. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Kedua (Bekerja Secara Kumpulan) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Ketiga (Penyelesaian Masalah)

Menurut jadual 4.9, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang kedua, kemahiran bekerja secara kumpulan dengan tahap kompetensi yang ketiga, kemahiran penyelesaian masalah pada aras signifikan 0.01. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran bekerja secara kumpulan dengan kemahiran penyelesaian masalah.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Kedua (Kemahiran Bekerja Secara Kumpulan) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Keempat (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang kedua, kemahiran bekerja secara kumpulan dengan tahap kompetensi yang keempat, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat pada aras signifikan 0.01. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran bekerja secara kumpulan dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Hubungan Antara Tahap Kompetensi Diri yang Ketiga (Kemahiran Penyelesaian Masalah) dengan Tahap Kompetensi Diri yang Keempat (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri yang ketiga, kemahiran penyelesaian masalah dengan tahap kompetensi yang keempat, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat pada aras signifikan 0.01. Ini sekaligus menolak hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran penyelesaian masalah dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Perbandingan Kemahiran Komunikasi Merentas Jantina

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kompetensi diri yang pertama, kemahiran berkomunikasi pada aras 0.05. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi diri yang pertama, kemahiran berkomunikasi merentas jantina. Namun, kajian yang dilakukan oleh Najmi (2007),

bagaimanapun mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran berkomunikasi pelajar merentas jantina.

Perbandingan Kemahiran Bekerja Secara Berkumpulan Merentas Jantina

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kompetensi diri yang kedua, kemahiran bekerja secara kumpulan pada aras 0.05. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi diri yang kedua, kemahiran bekerja secara kumpulan. Namun, kajian yang dilakukan oleh Najmi (2007), bagaimanapun mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran bekerja secara kumpulan pelajar merentas jantina.

Perbandingan Kemahiran Penyelesaian Masalah Merentas Jantina

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kompetensi diri yang ketiga, kemahiran penyelesaian masalah pada aras 0.05. Ini sekaligus menolak hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi diri yang ketiga, kemahiran penyelesaian masalah merentas jantina. Dapatan ini juga menyangkal hasil kajian yang dilakukan Najmi (2007), yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kemahiran penyelesaian masalah pelajar merentas jantina

Perbandingan Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat Merentas Jantina

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kompetensi diri yang terakhir, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat pada aras 0.05. Ini sekaligus menerima hipotesis yang telah dibuat iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi diri yang terakhir, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat merentas jantina. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Najmi (2007), di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap kompetensi diri yang terakhir, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Perbandingan Kompetensi Diri Secara Keseluruhan Merentas Jantina

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap tahap kompetensi diri secara keseluruhan pada aras signifikan 0.05. Maka, dapatan ini telah menyangkal hipotesis yang telah dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kompetensi diri secara keseluruhan merentas jantina. Perbezaan ini mungkin kerana pendidikan awal yang diterima oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah berbeza.

Rumusan

Untuk menghasilkan tenaga kerja yang berketrampilan dalam bidang kognitif dan juga kompetensi diri, banyak lagi usaha perlu dilaksanakan. Terdapat pelbagai lagi jenis kompetensi diri yang perlu diteroka untuk menghasilkan warga Negara yang berdaya saing seiring dengan perkembangan global. Hanya dengan cara ini, barulah hasrat negara untuk menjadi negara maju akan tercapai.

Berdasarkan kajian ini juga, ia dapat menyedarkan kita bahawa setiap manusia mempunyai kompetensi diri yang berbeza dan kecerdasan yang berbeza. Setiap potensi diri mereka boleh diperkembangkan sekiranya ada usaha untuk memajukan mereka. Selain itu, diharap juga ini akan dapat perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia dan kementerian Pelajaran Malaysia dalam merangka strategi pengajaran dan pembelajaran yang berupaya meningkatkan kompetensi diri atau kemahiran

umum yang telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1995), sekaligus dapat menjadikan kemahiran sebagai satu kaedah untuk memajukan negara dan mencapai wawasan 2020.

Rujukan

- Abd. Hair Awang (2004). "Kemahiran Bolehkerja : Kesenambungan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih." Persidangan Kebangsaan Kajian Pasca Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohammad (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bistari*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Yahya (1977). *Peranan Profesional dalam Industri Binaan, UTM : Tesis Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan*.
- Adibah Abdul Latif (2005). *Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik dengan Pencapaian Prestasi Pelajar : Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Master*.
- Ariffin Haji Zainal (1985). *Pekerja dan Pekerjaan Pendekatan Psikologi Personel*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Armstrong (1994). "Secondary Education – An Introduction". USA : McMillan College Publishing Company.
- Azizi et all (2007). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Skudai : Penerbit UTM.
- Barnett, R. (1994). "The Limits Of Competence" Buckingham : Open University Press.
- Best, J. W., & Khan Jvc (1998). "Research in Education." USA : Allyn & Bacon.
- Bligh, Donald A., (2000). "What's the use of lecturer?", 2nd ed. San Francisco, Jessey-Bass Publisher.
- Borich, G. D. & Tombari, M. L. (1997). "Educational Psychology : A Contemporary Approach". 2nd Ed. USA : Addison Wesley Longman Inc.
- Bowden, J. A., & Master, G. N. (1993). "Implications for Higher Education of a Competency Based Approach to Education and Training." Canberra : Australian Government Publishing Service.
- Bowden, J. A., Masters, G. N., and Ramsden, R., (1997). "Influence of Assesment Demands on First Year University Students Approaches to Learning". Sydney : Higher.
- Cornoor (2000). "A Critique of Conrentional Justification for Transferable Skills", D. Bridges (ed.) *Transferable Skillsin Higher Education*, Norwich : University of East Anglia.
- Crebbin, W. (1997). "Teaching for Lifelong Learning". R. Ballantyne, J. Bain, & J. Packer (Editors), *Reflecting on University Teaching Academics Stories* Canberra : Committe for University Teaching Staff Development : Australian Government Printing Service.
- Esa Abdul Samad (2000). "Pencapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya?" UIA : Tidak Diterbitkan.

Godamer, H. G., (1975). "A Theory of Practice : Humenuetical Understanding Truth and Method". London : Sheed and Ward.

Gage, N. L. & Berliner, D. C. (1998). "Educational Psychology". 4th ed. Boston : Houghton Mifflin Company.

Gerace, W. J., (2001). "Problem Solving and Conceptual Understanding." Proceedings of Physics Education Research Conference, Rochester, New York, Julai 2004.